KAJIAN MALAYSIA Vol. 44, No.2, 2026, 261–295

KAJIAN ARKEOLOGI TERHADAP SEJARAH TERJEMAHAN SASTERA MAHUA MODEN KE DALAM BAHASA MELAYU, 1919–2023

AN ARCHAEOLOGICAL STUDY OF THE TRANSLATION HISTORY OF MODERN MAHUA LITERATURE INTO MALAY, 1919–2023

Boh Phaik Ean[1] and Goh Sang Seong[2*]

[1]School of Languages, Literacies and Translation, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia
[2]School of Humanities, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia

[*]Corresponding author: gohss@usm.my

Published online: 30 October 2026

To cite this article: Boh Phaik Ean and Goh Sang Seong. 2026. Kajian arkeologi terhadap sejarah terjemahan sastera Mahua moden ke dalam bahasa Melayu, 1919–2023. *Kajian Malaysia* 44(2): 261–295. https://doi.org/10.21315/km2026.44.2.12

To link to this article: https://doi.org/10.21315/km2026.44.2.12

ABSTRACT

Translation archaeology involves research work to answer all or some of the 5W1H questions and serves as the foundation for other studies related to the history of translation. This article presents an archaeological study on the history of the translation of modern Mahua literary works into Malay in Malaysia, from 1919 to 2023. Modern Mahua literature, characterised by Malaysian identity, is written in vernacular Chinese by local Chinese authors in Malaya, Singapore (before its separation from Malaysia in 1965) and the islands of Borneo. This study is conducted from the perspective of history and translation archaeology using the eight research objects—"who, what, where, which sort of support, why, how, when, and what are the effects"—as the basis for data collection and analysis. For data collection purposes, the three-fold research strategy and the paratextual referencing technique were utilised. Findings indicate that the translation and publication of modern Mahua literary works into Malay began as early as December 1960. From 1919 to 2023, a total of 654 translations spanning poetry, short stories, drama and prose were published through three print mediums: magazines, newspapers and anthologies. This activity involved at least 56 translators and 17 publishers, including government agencies/public higher education institutions, private publishers, non-governmental organisations (NGOs) and individual publishers. Support received included funding, awards and various forms of recognition. Primarily, the translations aimed to retain the content of the source texts. The aim of translating and publishing modern Mahua

© Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2026. This work is licensed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY) (http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/).

literary works into Malay is to enable individuals from other races to access and comprehend local Chinese literature. In this regard, translations of modern Mahua literary works serve as a tool for unity, enhancing national integration.

Keywords: *translation archaeology, translation history, translation of modern Mahua literary works, local Chinese literature, Chinese-Malay translation*

ABSTRAK

Arkeologi terjemahan melibatkan kerja-kerja penyelidikan bagi menjawab semua atau sebahagian soalan 5W1H dan merupakan asas bagi kajian lain yang berkaitan dengan sejarah terjemahan. Makalah ini melaporkan kajian arkeologi terhadap sejarah terjemahan karya sastera Mahua moden dalam bahasa Melayu di Malaysia, dari tahun 1919 sehingga 2023. Karya sastera Mahua moden merupakan sastera bertunjangkan ciri-ciri kemalaysiaan yang dikarang menggunakan bahasa Cina vernakular oleh penulis Cina tempatan di Malaya, Singapura (sebelum pemisahan dari Malaysia pada tahun 1965) dan kepulauan-kepulauan Borneo. Kajian ini dijalankan dari lensa sejarah dan arkeologi terjemahan dengan menjadikan lapan objek kajian yang diutarakan, iaitu "siapa, apa, di mana, apa jenis sokongan, mengapa, bagaimana, bila, dan apa kesannya" sebagai asas untuk tujuan pengumpulan dan penganalisisan data. Untuk tujuan pengumpulan data, strategi penyelidikan tiga peringkat dan teknik rujukan peritek dimanfaatkan dalam kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa aktiviti penterjemahan dan penerbitan terjemahan karya sastera Mahua moden ke dalam bahasa Melayu bermula seawal Disember 1960. Antara tahun 1919 sehingga 2023, sejumlah 654 buah terjemahan karya sastera Mahua moden yang merangkumi genre puisi, cerpen, drama dan prosa berjaya diterbitkan melalui tiga media cetak, iaitu majalah, akhbar dan antologi. Kegiatan ini dikenal pasti melibatkan usaha daripada sekurang-kurangnya 56 orang penterjemah dan 17 buah penerbit yang terdiri daripada penerbit agensi kerajaan/institusi pengajian tinggi awam (IPTA), penerbit swasta, badan bukan kerajaan (NGO) dan penerbit individu. Jenis sokongan yang diterima termasuklah pemerolehan dana penerbitan, penganugerahan dan pengiktirafan. Terjemahan yang dihasilkan memberikan tumpuan utama kepada pengekalan kandungan teks sumber. Tujuan penterjemahan dan penerbitan terjemahan karya sastera Mahua moden dalam bahasa Melayu adalah untuk membolehkan kaum-kaum lain menghayati sastera Cina tempatan. Sehubungan dengan itu, terjemahan karya sastera Mahua moden berfungsi sebagai alat perpaduan bagi meningkatkan integrasi nasional.

Kata kunci: *arkeologi terjemahan, sejarah terjemahan, terjemahan karya sastera Mahua moden, sastera Cina tempatan, terjemahan bahasa Cina-bahasa Melayu*

PENGENALAN

Terjemahan selalunya dikaitkan dengan pembelajaran bahasa, dan mula berkembang sebagai satu disiplin akademik pada pertengahan abad ke-20 (Munday 2016, 13–14). Dalam pada itu, penelitian terhadap teks yang

diterjemahkan (atau tidak diterjemahkan) pada tempoh tertentu atau di tempat tertentu serta pengaruh yang terhasil diletakkan di bawah Pengajian Terjemahan Deskriptif yang berorientasikan fungsi (Holmes 2004, 185). Holmes (2004, 185) mengutarakan bahawa bidang penyelidikan ini kurang diberikan perhatian berbanding bidang lain, dan biasanya diperkenalkan sebagai subtema atau tema balas dalam sejarah terjemahan dan sejarah kesusasteraan. Sejarah terjemahan mula berkembang sejak pertengahan tahun 1960-an (Santoyo 2006, 11–12). Woodsworth (1998, 101) mengutarakan bahawa sejarah terjemahan boleh merujuk amalan atau teori, atau kedua-duanya. Sejarah dari aspek amalan terjemahan adalah berkenaan dengan persoalan seperti apa yang telah diterjemahkan, oleh siapa, bawah keadaan apa, dan dalam konteks sosial atau politik apa (Woodsworth, 1998, 101). Sementara itu, sejarah dari sudut teori pula berkaitan dengan persoalan tentang apakah ulasan penterjemah tentang hasil terjemahan mereka, bagaimanakah terjemahan dinilai dalam tempoh berlainan, apakah jenis cadangan yang diberikan oleh penterjemah, atau bagaimanakah terjemahan diajarkan, dan bagaimanakah wacana ini berkaitan dengan wacana lain dalam tempoh yang sama (Woodsworth 1998, 101). Pada pendapat Pym (1998, 5), sejarah terjemahan ialah perbincangan yang menyatakan perubahan yang berlaku atau dikekang secara aktif dalam bidang terjemahan. Bidang ini merangkumi tindakan dan ejen yang mendorong kepada terjemahan (bukan terjemahan), kesan terjemahan (bukan terjemahan), teori tentang terjemahan serta fenomena-fenomena lain yang bersangkut-paut dengan sebab dan akibat. Pym (1998, 5–6) mengklasifikasikan sejarah terjemahan kepada tiga subbidang, iaitu arkeologi terjemahan (*translation archaeology*), kritikan sejarah (*historical criticism*) dan penerangan (*explanation*). Arkeologi terjemahan ialah perbincangan yang menjawab semua atau sebahagian soalan tentang siapa menterjemahkan apa, bagaimana, di mana, bila, untuk siapa dan apa kesannya. Kritikan sejarah ialah perbincangan tentang cara terjemahan mendorong atau menghalang kemajuan, dan mestilah menentukan nilai pada hasil kerja (terjemahan) penterjemah berdasarkan kesan yang dicapai pada masa lalu; dan nilai kontemporari tidak boleh diterapkan secara langsung terhadap terjemahan yang dihasilkan pada masa lampau (Pym 1998, 5). Subbidang penerangan pula merupakan sebahagian daripada sejarah terjemahan yang mengulas tentang sebab kewujudan artifak arkeologi pada masa dan di tempat tertentu serta hubung kaitnya dengan perubahan (Pym 1998, 6).

Pegenaute (2018) melontarkan pendapat bahawa amalan sejarah terjemahan yang dikemukakan oleh Woodsworth (1998) sama dengan arkeologi terjemahan yang diutarakan oleh Pym (1998). Begitu juga, D'hulst (2010) turut menyenaraikan lapan objek untuk dikaji dalam kajian sejarah terjemahan, iaitu *quis* (siapa), *quid* (apa), *ubi* (di mana), *quibus auxiliis* (apa jenis sokongan), *cur* (mengapa), *quomodo* (bagaimana), *quando* (bila) dan *cui bono* (apa kesannya). Hal ini menunjukkan bahawa jenis-jenis objek kajian sejarah terjemahan yang dikemukakan oleh Woodsworth (1998), Pym (1998) dan D'hulst (2010) adalah lebih kurang sama, iaitu melibatkan soalan 5W1H (siapa, apa, bila, mengapa, di mana dan

bagaimana). Oleh hal yang demikian, ternyata bahawa kajian sejarah terjemahan memerlukan usaha untuk mencari jawapan bagi soalan-soalan tersebut. Bersangkut paut dengan perkara ini, Pym (1998) menegaskan bahawa kerja-kerja yang dilakukan dalam kajian arkeologi terjemahan seperti penyusunan katalog adalah amat penting dan berfungsi sebagai asas bagi penyelidikan lain yang berkaitan dengan sejarah terjemahan. Hal ini kerana kajian lanjut tentang sejarah terjemahan tidak dapat dilakukan tanpa maklumat asas seperti, "siapa menterjemah apa", "bagaimana", "di mana", "bila", "untuk siapa" dan "dengan kesan apa". Tegas Pym (1998, 5–6), arkeologi terjemahan merupakan satu bidang yang selalunya melibatkan kerja-kerja penyelidikan yang rumit, memerlukan pengorbanan besar dan memberikan sumbangan kepada aspek-aspek sejarah terjemahan yang lain.

Ternyata bahawa kajian arkeologi terjemahan merupakan asas penting dalam usaha menelusuri sejarah karya-karya terjemahan dalam pelbagai bidang atau pasangan bahasa yang berbeza. Hasil pengumpulan dan pendokumentasian karya-karya terjemahan dapat dijadikan sebagai sumber rujukan bagi membolehkan kajian-kajian lain yang berkaitan untuk dijalankan. Berkenaan dengan hal ini, sejarah terjemahan karya sastera Mahua moden didapati masih belum dikaji oleh mana-mana pihak secara menyeluruh dari sudut arkeologi atau sejarah terjemahan. Tambahan pula, senarai penerbitan terjemahan karya sastera Mahua moden ke dalam bahasa Melayu yang sedia ada didapati tidak lengkap. Dalam hal ini, Zhuang Hua Xing (2006, 28–36) mencatatkan penerbitan buku terjemahan karya sastera daripada bahasa Cina kepada bahasa Melayu selepas Perang Dunia Kedua (merangkumi sastera China dan sastera Mahua moden) mengikut susunan kronologi dari tahun 1961 sehingga 2004. Di satu pihak yang lain, Yang Quee Yee (2014, 92–93) menyenaraikan 12 judul buku terjemahan sastera Mahua moden yang diterbitkan dari tahun 1975 sehingga 1994 dengan butiran maklumat judul dan nama penterjemah sahaja. Rekod sedia ada hanya mencatatkan penerbitan dari tahun 1961 sehingga 2004 dan tidak membincangkan perkembangan penterjemahan karya-karya sastera Mahua moden. Senarai penerbitan tersebut juga didapati tidak lengkap kerana hanya terbatas pada penerbitan dalam bentuk buku sahaja. Perihal senarai penerbitan tidak lengkap dan kekurangan kajian penerokaan terhadap bidang terjemahan ini menyebabkan faktor-faktor kemunculan dan perkembangan aktiviti penterjemahan dan penerbitan terjemahan karya sastera Mahua moden dalam bahasa Melayu tidak dapat diketahui. Lompang ini membuka jalan kepada kajian arkeologi terhadap sejarah terjemahan karya sastera Mahua moden ke dalam bahasa Melayu untuk dijalankan dengan berpandukan lapan objek kajian yang dikemukakan oleh D'hulst (2010). Secara keseluruhan, kajian ini bertujuan untuk mendokumentasikan terjemahan karya-karya sastera Mahua moden bagi menambahkan kepustakaan dalam bidang terjemahan di Malaysia. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk menerokai sejarah terjemahan karya sastera Mahua moden dari perspektif bidang Pengajian Terjemahan, iaitu arkeologi dan sejarah terjemahan.

SASTERA MAHUA MODEN

Secara umumnya, sastera Mahua tergolong kepada dua kategori yang berlainan, iaitu sastera Mahua lama dan sastera Mahua moden. Sastera Mahua lama merupakan sastera yang dikarang oleh pendatang China ke Tanah Melayu menggunakan bahasa China klasik sebagai salah satu medium untuk meluahkan kerinduan terhadap negara asal mereka. Sebaliknya, sastera Mahua moden ialah sastera yang dikarang oleh penulis Cina tempatan menggunakan bahasa Cina vernakular bagi menyampaikan perasaan dan pemikiran yang sarat dengan unsur-unsur tempatan. Istilah sastera Mahua diperkenalkan bagi mengelakkan kekaburan rujukan terhadap sastera yang dihasilkan oleh orang Cina tempatan (sastera Mahua) dan sastera China yang dihasilkan oleh orang China di negara China (Yang Quee Yee 2014). Jelas Yang Quee Yee, kedua-dua jenis sastera ini menggunakan medium pengucapan yang sama, iaitu bahasa Cina, tetapi kandungannya berbeza. Tambah Yang Quee Yee (2014, 81–82), sastera Mahua ialah "hasil sastera yang diciptakan oleh golongan pengarang tempatan" dan kandungannya "menggambarkan buah fikiran warga Malaysia atau mengisahkan peristiwa-peristiwa yang bersangkut-paut dengan penduduk-penduduk Malaysia dan pemandangan tempatan". Sebaliknya, sastera China ialah "hasil tulisan orang-orang China di negeri China" dan "kandungannya benar-benar bercorak China" (Yang Quee Yee 2014, 81–82).

Jelas Fang Xiu (1972, 3), sastera Mahua moden ialah sastera Cina yang dikarang dalam bahasa tulisan moden dan wujud di Malaya, termasuk Singapura dan kepulauan-kepulauan Borneo. Karya sastera ini mendukung pemikiran dan semangat baharu serta bertunjangkan Malaya. Goh Thean Chye (1975) turut mengemukakan pendapat yang sama, iaitu sastera Mahua moden ialah sastera yang dikarang menggunakan bahasa Cina vernakular yang memiliki pemikiran, semangat dan kesedaran baharu yang wujud di Malaya (termasuk Singapura dan Borneo). Tambah Goh Thean Chye (1975), genre sastera Mahua moden terdiri daripada puisi, prosa, cerpen, novel dan drama. Berdasarkan pendapat yang dikemukakan oleh Fang Xiu (1972), Goh Thean Chye (1975) dan Yang Quee Yee (2014) tentang sastera Mahua dari segi identiti kewarganegaraan pengarang, bahasa pengantara, tempat penerbitan, fungsi dan kandungannya, sastera Mahua moden dirumuskan sebagai sastera yang dikarang oleh penulis Cina tempatan di Malaya, Singapura (sebelum berpisah dari Malaysia pada tahun 1965) dan kepulauan Borneo menggunakan bahasa Cina vernakular, dan mengisahkan peristiwa tempatan serta mencerminkan corak kemalaysiaan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk menelusuri sejarah terjemahan karya sastera Mahua moden ke dalam bahasa Melayu, tahun 1919–2023 dari sudut arkeologi terjemahan. Menurut Fang Xiu (1972, 3), pengkaji sejarah sastera Mahua moden, karya sastera Mahua moden mula dikesan melalui penerbitan dalam kolum tempatan berikutan pengaruh Gerakan 4 Mei yang berlaku di negara China. Tambah Yang Quee Yee (2000, 1), karya sastera Mahua moden julung-julung kali diterbitkan pada tahun 1919 dalam ruangan sastera yang dinamakan sebagai "Majalah Rakyat Baru" (atau "X*in Guoming Zazhi*"), dan ruangan lain, termasuklah "Komentar Berita", "Warta" dalam *Harian Rakyat Baru* atau X*in Guoming Ribao*. Dengan erti kata lain, karya sastera Mahua moden mula bercambah sejak tahun 1919. Sehubungan dengan itu, tahun 1919 dipilih sebagai tempoh bermulanya penelitian terhadap terjemahan sastera Mahua. Bagi mencapai objektif kajian, lapan objek kajian sejarah terjemahan yang diutarakan oleh D'hulst (2010), iaitu siapa, apa, di mana, apa jenis sokongan, mengapa, bila dan apa kesannya dijadikan sebagai kayu ukur untuk tujuan pengumpulan dan penganalisisan data. Untuk mencari, menghimpunkan dan mendokumentasikan terjemahan karya sastera Mahua moden dalam bahasa Melayu yang diterbitkan mulai tahun 1919 sehingga 2023 dan judul asalnya, kajian ini memanfaatkan strategi penyelidikan tiga peringkat (*three-fold research strategy*) yang dicadangkan oleh Gerber (2008, 143), iaitu pertama, meneliti bibliografi yang sedia ada, kedua, merujuk katalog perpustakaan atas talian dan ketiga, mengunjungi perpustakaan. Dua bibliografi atau senarai penerbitan sedia ada yang dirujuk ialah senarai penerbitan Zhuang Hua Xing (2006) dan Yang Quee Yee (2014) yang masing-masing merekodkan 17 buah dan 12 buah antologi terjemahan sastera Mahua moden. Seterusnya, rujukan kepada katalog perpustakaan atas talian dibuat melalui laman sesawang OPAC Perpustakaan Negara Malaysia (https://opac.pnm.gov.my), OFA (*Online Finding Aid*) Arkib Negara Malaysia (https://ofa.arkib.gov.my), OPAC Perpustakaan Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia (https://elib.usm.my), OPAC Perpustakaan Pusat Penyelidikan Cina Malaysia (http://www.malaysian-chinese.net), dan OPAC Perpustakaan Tan Lark Sye, New Era University College (https://www.newera.edu.my/library). Selepas mengenal pasti lokasi simpanan terjemahan karya sastera Mahua moden, pengkaji mengunjungi kelima-lima buah perpustakaan tersebut bagi mengumpulkan data-data yang berkaitan secara fizikal.

Bagi menjawab lapan objek kajian sejarah terjemahan yang diutarakan oleh D'hulst (2010), maklumat yang berkaitan digali dan diperoleh melalui teknik rujukan periteks. Parateks terdiri daripada periteks (elemen-elemen umum yang diberikan dalam buku) dan epiteks (elemen-elemen di luar buku yang merujuk buku tersebut) (Genette 1997, xviii). Periteks ialah elemen-elemen yang mengelilingi badan teks, seperti prakata atau kata pengantar, jadual kandungan, indeks dan nota sumber; epiteks ialah komunikasi di luar teks yang boleh

mempengaruhi cara teks itu dibaca (Genette 1997, 4–5). Maklumat paratekstual ialah petunjuk berguna tentang penghasilan dan kegunaan terjemahan dalam keadaan tertentu, sekali gus memberikan maklumat menarik untuk penerokaan lebih lanjut tentang faktor-faktor sosiobudaya yang mendorong dan mencetuskan penghasilan terjemahan tertentu (Tahir-Gürçağlar 2002, 58–59). Sehubungan dengan itu, kajian ini memanfaatkan teknik rujukan periteks untuk mengumpulkan dan menganalisis semua lapan objek kajian yang diutarakan oleh D'hulst (2010).

PERBINCANGAN DATA

Kajian arkeologi terjemahan yang dijalankan ini berjaya mengutip maklumat asas bagi setiap terbitan terjemahan karya sastera Mahua moden dalam versi bahasa Melayu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penerbitan terjemahan karya sastera Mahua moden dalam bahasa Melayu mula diusahakan sejak tahun 1960. Sehubungan dengan itu, senarai penerbitan terjemahan karya sastera Mahua moden dalam majalah, akhbar dan antologi antara tahun 1960-an sehingga tahun 2023 berjaya dihasilkan dan masing-masing disertakan dalam Lampiran A, B dan C, dengan butiran maklumat nama penulis asal, nama penterjemah, judul asal, judul terjemahan, tahun penerbitan, tempat penerbitan, penerbit dan genre. Bagi setiap objek kajian yang dikemukakan oleh D'hulst (2010), iaitu (1) apa, (2) siapa, (3) bila, (4) di mana, (5) apa jenis sokongan, (6) mengapa, (7) bagaimana dan (8) apa kesannya, analisis yang lebih mendalam dibuat dalam bahagian berikut berdasarkan data-data yang berjaya dikumpulkan dalam kajian ini.

Analisis Objek Kajian 1: Apa (*Quid*)?


Untuk persoalan tentang "apa", perkara yang boleh dikaji termasuklah teks yang diterjemahkan atau tidak diterjemahkan, kriteria dan prosedur dalam pemilihan teks untuk diterjemahkan, perkara yang ditulis tentang terjemahan, genre atau mod perwakilan tentang terjemahan yang dihasilkan oleh budaya (D'hulst 2010, 399). Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa inisiatif untuk mengalihbahasakan karya sastera Mahua moden ke dalam bahasa Melayu mula diusahakan seawal Disember 1960-an. Maklumat lanjut bagi setiap judul terjemahan karya sastera Mahua moden dalam bahasa Melayu diturunkan mengikut susunan kronologi dengan maklumat nama penulis asal, nama penterjemah, judul asal, judul terjemahan, tahun penerbitan, tempat penerbitan, penerbit dan genre, seperti yang disertakan dalam Lampiran A, B dan C. Jadual 1 mencatatkan bilangan buah terjemahan karya sastera Mahua moden yang diterbitkan dalam majalah, akhbar dan antologi antara tahun 1960-an hingga tahun 2023.

Jadual 1: Penerbitan terjemahan karya sastera Mahua moden dalam bahasa Melayu, tahun 1919–2023

Tahun	Media cetak/karya tunggal (buah)			
	Majalah	Akhbar	Antologi	Jumlah (%)
1920-an	0	0	0	0 (0.00)
1930-an	0	0	0	0 (0.00)
1940-an	0	0	0	0 (0.00)
1950-an	0	0	0	0 (0.00)
1960-an	3	0	0	3 (0.46) [0]
1970-an	12	4	110 [3]	126 (19.27) [3]
1980-an	16	8	204 [9]	228 (34.86) [9]
1990-an	4	12	15 [1]	31 (4.74) [1]
2000-an	0	0	165 [4]	165 (25.23) [4]
2010-an	3	0	14 [1]	17 (2.60) [1]
2020-2023	0	0	84 [3]	84 (12.84) [3]
Jumlah	38 (5.81)	24 (3.67)	592 (90.52) [21]	654 (100.00)

Nota: Angka di dalam tanda kurung siku ialah bilangan buah antologi terjemahan.

Berdasarkan trend penerbitan terjemahan karya sastera Mahua moden ke dalam bahasa Melayu yang ditunjukkan dalam Rajah 1, dirumuskan bahawa penerbitan terjemahan sastera Mahua moden mengalami naik turun yang ketara.



Rajah 1: Trend penerbitan terjemahan karya sastera Mahua moden dalam bahasa Melayu, tahun 1919–2023

Walaupun sastera Mahua moden sudah bercambah sejak penghujung tahun 1919, tetapi tiada terjemahan karya sastera Mahua moden yang dihasilkan antara tahun 1920-an sehingga sebelum tahun 1960-an. Terjemahan sastera Mahua moden didapati mula diterbitkan sejak Disember 1960. Pada tahun 1960-an, terdapat sebanyak 3 (0.46%) buah terjemahan karya sastera Mahua moden berjaya diterbitkan. Angka ini meningkat kepada 126 (19.27%) buah terjemahan diterbitkan pada tahun 1970-an dan seterusnya melonjak kepada sebanyak 228 (34.86%) pada tahun 1980-an, sekali gus mencatatkan penerbitan yang tertinggi. Memasuki tahun 1990-an, hasil ini jatuh mendadak dengan hanya 31 (4.74%) buah terjemahan diterbitkan. Kemudian, bilangan buah terjemahan yang diterbitkan meningkat semula pada tahun 2000-an dengan sebanyak 165 (25.23%) buah terjemahan diterbitkan sebelum menurun kembali kepada penerbitan 17 (2.60%) buah terjemahan pada tahun 2010-an. Tahun 2020 sehingga 2023 menunjukkan prestasi yang agak memberangsangkan dengan sebanyak 84 (12.84%) buah terjemahan karya sastera Mahua moden berjaya diterbitkan pada awal dekad ini. Trend perkembangan ini mendedahkan bahawa usaha penerbitan dan penterjemahan karya sastera Mahua moden ke dalam bahasa Melayu bersifat tidak konsisten.

Dari segi genre pula, sastera Mahua moden yang terpilih untuk diterjemahkan bersifat rencam dan mencakupi empat kategori genre yang utama, iaitu puisi/sajak, cerpen, prosa dan drama. Jadual 2 menyenaraikan bilangan judul terjemahan karya sastera Mahua moden yang diterbitkan dalam majalah, akhbar dan antologi.


Jadual 2: Genre terjemahan karya sastera Mahua moden dalam majalah, surat khabar dan antologi, tahun 1919–2023

Genre	Media cetak/karya tunggal (buah)			
	Majalah	**Akhbar**	**Antologi**	**Jumlah (%)**
Puisi	16	–	453	469 (71.7) [64]
Cerpen	21	24	134	179 (27.4) [33]
Drama	–	–	5	5 (0.8)
Prosa	1	–	–	1 (0.1)
Jumlah	38	24	592	654 (100.0) [97]

Nota: Angka dalam kurungan siku menunjukkan bilangan buah terjemahan ulangan.

Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2, genre puisi/sajak dan cerpen Mahua moden didapati paling banyak diusahakan. Daripada 654 judul karya tunggal yang diterbitkan, sebanyak 469 buah terjemahan ialah terjemahan puisi/sajak Mahua moden, bersamaan dengan 71.7% (termasuk 64 buah terbitan ulangan). Selain itu, sebanyak 179 buah terjemahan, bersamaan dengan 27.4% (termasuk 33 buah terbitan ulangan) ialah terjemahan cerpen Mahua moden, diikuti dengan 5 buah (0.8%) terjemahan drama Mahua moden dan sebuah (0.1%) terjemahan prosa Mahua moden. Jumlah penerbitan terjemahan karya sastera Mahua moden mengikut pembahagian genre digambarkan dalam Rajah 2.

Dari segi pemilihan teks, karya yang dihasilkan oleh penulis Mahua yang veteran dan karya yang pernah meraih anugerah didapati lebih cenderung terpilih untuk diterjemahkan dan diterbitkan bagi memperkenalkan karya yang bermutu kepada pembaca. Dalam hal ini, karya sastera Mahua moden yang terpilih untuk diterjemahkan bertemakan semangat patriotisme, menggambarkan suasana kehidupan yang harmoni antara pelbagai kaum, serta melukiskan keindahan alam semula jadi di kawasan setempat.



Rajah 2: Penerbitan terjemahan karya sastera Mahua moden dalam majalah, akhbar dan antologi mengikut genre, tahun 1919–2023

Analisis Objek Kajian 2: Siapa (*Quis*)?

Bagi menjawab persoalan tentang "siapa", tumpuan boleh diberikan kepada penterjemah, pengeluaran (terjemahan, kritikan, pengarang), penubuhan kumpulan dan perhubungan rangkaian (D'hulst 2010, 399). Kajian ini mengenal pasti dua pihak utama yang terlibat secara langsung dalam aktiviti menterjemah dan menerbitkan karya sastera Mahua moden ke dalam bahasa Melayu, iaitu penterjemah dan penerbit, khususnya sumbangan mereka dari segi bilangan judul yang dihasilkan.

Penglibatan penterjemah

Penterjemah yang berkecimpung dalam bidang terjemahan karya sastera Mahua moden terdiri lebih daripada 56 orang. Semua terjemahan yang dihasilkan dapat dikenal pasti nama penterjemah, melainkan 14 buah terjemahan cerpen Mahua moden yang diterbitkan dalam buku *Antologi Cerpen: Misteri Pahatan* (2015) tidak diturunkan nama penterjemah, manakala nama penterjemah bagi "Senja Di Endau" dalam *Antologi Puisi Mahua: Titik Nuansa* (Ayob dan Yang 1988) juga tidak dinyatakan dalam antologi tersebut. Oleh itu, penterjemah yang menterjemahkan 15 buah karya sastera Mahua moden itu tidak dapat dikenal pasti. Senarai nama dan bilangan karya tunggal yang dihasilkan oleh setiap penterjemah diturunkan dalam Jadual 3.

Jadual 3: Penglibatan penterjemah

Bil.	Nama penterjemah	Puisi	Cerpen	Drama	Prosa
1.	Amir Tan	–	2	–	–
2.	Ang Chor Chew	–	1	–	–
3.	C.t. Gan	1	–	–	–
4.	Chan Foo Heng	52 (52 TB)	–	–	–
5.	Chan Maw Woh / Chan Meow Wah	–	7 (1 TB) (1 TU)	–	–
6.	Chan Yong Sin	75 (11 TU, termasuk 3 judul berulang dua kali)	1	–	–
7.	Chen Yimei	1	–	–	–
8.	Chew Fong Peng	9	2	–	–
9.	Chin Yook Chin / Asruchin	3	1	–	–
10.	Chong Fah Hing	23 (1 TU)	10 (2 TU)	–	–
11.	Chong Kim Leong	54 (52 TB) (2 TU)	–	–	–
12.	Chong Ton Sin / Chong Tong Sin	–	2 (1 TU)	–	–
13.	Chong Yock Sim	–	2 (1 TU)	–	–
14.	Choo Puay Hin / Wei Li / Willy	2	10 (3 TU)	–	–
15.	Ding Choo Ming	–	7	5	–
16.	E.T. Tang	9	–	–	–

(*bersambung*)

Jadual 3 (*sambungan*)

Bil.	Nama penterjemah	Puisi	Cerpen	Drama	Prosa
17.	Florence Kuek	–	1	–	–
18.	Goh Choo Keng / C.K. Goh	4	14 (6 TU)	–	–
19.	Goh Thean Chye / Goh Thein Chye / Goh Then Chye	177 (36 TU, termasuk 2 judul berulang tiga kali, 7 judul berulang dua kali)	–	–	–
20.	He Jiali	4 (1 TU)	–	–	–
21.	Ho Wee Chee	–	1	–	–
22.	Hong Seyu Luan / Hong Seyu Luen	–	2	–	–
23.	Hoo Ling	–	2 (1 TU)	–	–
24.	Kang Kah Yee	–	1	–	–
25.	Kelana C.M. (Cheng Song Huat)	–	1	–	–
26.	Lai Choy	4	3 (1 TU)	-	-
27.	Lee Ban Chian	2 (1 TU)	-	-	-
28.	Lee Ngeok Lan	-	1	-	-
29.	Lee Tan Luck	-	2	-	-
30.	Lee Yoke Hiang	-	2	-	-
31.	Li Chuan Siu / Li Chi Ch'u / Li Chih-ch'u	-	3 (2 TU)	-	-
32.	Li Kim Chong	-	1	-	-
33.	Liau Lay San	-	4	-	-
34.	Lim Chuan Boon	17 (2 TU)	19 (3 TU)	-	-

(*bersambung*)

Jadual 3 (*sambungan*)

Bil.	Nama penterjemah	Puisi	Cerpen	Drama	Prosa
35.	Moo Kiow Chai	11 (1 TU)	24 (11 TU)	-	-
36.	Ng Hun Poh	9 (1 TU)	3	-	-
37.	Peng Jeck Seng	1	-	-	-
38.	Penulis Bumiputra	1	-	-	-
39.	Poh Seong Moi	2	3	-	-
40.	Rozita A. Chani	-	2	-	-
41.	Seah Li Ling	-	1	-	-
42.	Seow Swee Har	-	1	-	-
43.	Ser Choon Ing	9	-	-	-
44.	Soon Lay Yee	-	1	-	-
45.	Tan Lai Peng	-	1	-	-
46.	T.S.T.	-	-	-	1
47.	Teng Shin Min	-	14 (1 TU)	-	-
48.	Thock Ker Pong	10 (1 TU)	1	-	-
49.	Woo Tack Lok / Budiria Woo	11 (1 TU)	7 (1 TU)	-	-
50.	Yang Kui Yee	-	1 (1 TB)	-	-
51.	Yap Sin Tian	8	-	-	-
52.	Yau Cheak Fatt	-	2	-	-
53.	Yen Nin	-	1	-	-
54.	Yew Chuan	4	-	-	-
55.	Yuen Boon Chan	16 (6 TU)	3	-	-
56.	Zheng Ju	1	-	-	-
57.	*Karya tanpa nama penterjemah	1	14	-	

Nota: TB = terbitan bersama; TU = terbitan ulangan

Penterjemah yang prolifik dalam bidang terjemahan puisi Mahua moden termasuklah Goh Thean Chye, Chan Yong Sin, Chan Foo Heng dan Chong Kim Leong. Untuk terjemahan cerpen Mahua moden pula, Lim Chuan Boon, Moo Kiow Chai dan Teng Shi Min merupakan antara penterjemah yang aktif dan giat menterjemah cerpen Mahua moden ke dalam bahasa Melayu. Kajian ini turut mendapati bahawa Ding Choo Ming merupakan satu-satunya penterjemah yang mengambil inisiatif untuk mengalihbahasakan drama Mahua moden ke dalam bahasa Melayu. Begitu juga, penterjemahan prosa Mahua moden hanya diusahakan oleh T.S.T.

Hampir semua penterjemah yang mengusahakan terjemahan karya sastera Mahua moden merupakan orang Cina tempatan yang menguasai pasangan bahasa Cina dan bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, orang pertama yang menterjemah karya sastera Mahua moden ke dalam bahasa Melayu, iaitu Li Chih-ch'u didapati merupakan orang Cina peranakan Indonesia. Di samping itu, Rozita A. Ghani tampil sebagai satu-satunya penterjemah Melayu yang menyumbang sebanyak dua buah terjemahan cerpen Mahua moden. Hal ini menunjukkan bahawa terjemahan karya sastera Mahua moden ke dalam bahasa Melayu boleh dilakukan oleh mana-mana penterjemah yang memiliki dwibahasa, dalam konteks ini, bahasa Cina-bahasa Melayu tanpa mengira perbezaan bahasa, agama dan budaya.

Penglibatan penerbit

Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat sebanyak 17 buah penerbit yang terlibat dalam usaha menerbitkan terjemahan karya sastera Mahua moden ke dalam bahasa Melayu. Semua penerbit yang terlibat dalam aktiviti ini disenaraikan mengikut urutan abjad dalam Jadual 4, dengan maklumat bilangan judul karya terjemahan yang diterbitkan dalam majalah dan akhbar, serta bilangan buah antologi yang diterbitkan.

Jadual 4: Penglibatan penerbit

Bil.	Penerbit	Majalah	Akhbar	Antologi
1.	Bulanan Penuntut			1
2.	Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)	34		(7)
3.	Dewan Perhimpunan China Selangor			1
4.	Evergreen Trading Company			1
5.	Kumpulan Karangkraf Sdn. Bhd.		15	
6.	Mentor Publishing Sdn. Bhd.			1
7.	Nusa Centre			1
8.	Pelanduk Publications			1
9.	Penerbit Universiti Malaya			4
10	Penerbitan Sirius			1
11.	Persatuan Penterjemahan dan Penulisan Kreatif Malaysia (PERSPEKTIF)			1+(7)
12.	Pustaka Selatan			1
13.	Seah Beng Kim	1		
14.	Sin Chew Media Corporation Berhad		8	
15.	Syarikat Penerbitan Universal			1
16.	Tan Ta Sen	1		
17.	Utusan Melayu (M) Berhad	2	1	

Nota: Bilangan dalam tanda kurungan mewakili terbitan bersama.

Secara umumnya, penerbit yang terlibat dalam usaha penerbitan terjemahan karya sastera Mahua moden boleh dikelaskan kepada empat kategori yang berikut:

1. Penerbit agensi kerajaan/IPTA: DBP dan Penerbit Universiti Malaya.
2. Penerbit swasta: Bulanan Penuntut, Evergreen Trading Company, Kumpulan Karangkraf Sdn. Bhd., Mentor Publishing Sdn. Bhd., Nusa Centre, Pelanduk Publications, Penerbitan Sirius, Pustaka Selatan, Sin Chew Media Corporation Berhad, Syarikat Penerbitan Universal dan Utusan Melayu (M) Berhad.
3. Badan bukan kerajaan: PERSPEKTIF dan Dewan Perhimpunan China Selangor.
4. Penerbit individu: Tan Ta Sen dan Seah Beng Kim.

Berdasarkan bilangan terjemahan yang dihasilkan, tiga penerbit utama yang paling giat dalam mengusahakan penterjemahan dan penerbitan terjemahan karya sastera Mahua moden dikenal pasti merupakan DBP, Karangkraf dan PERSPEKTIF yang menggerakkan bidang penerbitan terjemahan karya sastera Mahua moden melalui penyajian dalam majalah, akhbar dan antologi.

Analisis Objek Kajian 3: Bila (*Quando*)?

Persoalan tentang "bila" boleh merangkumi beberapa aspek seperti asal-usul terjemahan, perubahan amalan atau trend penterjemahan, dan mod pengkategorian tempoh terjemahan (D'hulst 2010, 402). Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa aktiviti penterjemahan dan penerbitan terjemahan karya sastera Mahua moden boleh dikelaskan kepada tiga fasa utama, iaitu fasa permulaan (tahun 1960-an), fasa perkembangan (tahun 1970-an sehingga 1990-an) dan fasa kelestarian (tahun 2000-an sehingga tahun 2023) berdasarkan bilangan judul terbitan yang dihasilkan. Fasa permulaan menandakan bermulanya aktiviti menterjemah karya sastera Mahua moden ke dalam bahasa Melayu, iaitu seawal tahun 1960-an. Dalam tempoh 1960-an, tiga judul terjemahan karya sastera Mahua moden yang meliputi genre cerpen dan prosa disajikan kepada pembaca sasaran melalui medium majalah, iaitu majalah *Budaya* dan majalah *Dewan Bahasa* (Lampiran A, bil. 1–3).

Aktiviti penterjemahan dan penerbitan terjemahan karya sastera Mahua moden mencapai kemuncak dengan penghasilan yang cukup memberangsangkan antara tahun 1970-an sehingga 1990-an. Pada ketika itu, terjemahan karya sastera Mahua moden bukan sahaja diterbitkan dalam majalah, malah juga disajikan dalam akhbar serta mula dibukukan dan dipasarkan dalam bentuk antologi. Jumlah bilangan judul terjemahan karya sastera Mahua moden dalam versi bahasa Melayu yang dihasilkan sepanjang tempoh ini hampir mencecah 400 buah karya tunggal. Dalam hal ini, 32 buah terjemahan diterbitkan dalam majalah, 24 buah terjemahan diterbitkan dalam akhbar dan sebanyak 13 judul antologi yang menghimpunkan sebanyak 329 buah terjemahan karya tunggal berjaya diterbitkan.

Mulai tahun 1971, usaha penerbitan terjemahan karya sastera Mahua moden diteruskan oleh DBP melalui penerbitan dalam majalah *Dewan Sastera* (dieja sebagai *Dewan Sastra* pada peringkat awal penerbitannya). Antara tempoh 1970-an sehingga 1990-an, DBP giat menyajikan terjemahan karya sastera Mahua moden dalam majalah terbitannya. Daripada 32 buah terjemahan yang diterbitkan dalam majalah, 30 buah terjemahan diterbitkan oleh DBP (Lampiran A, bil. 4–15, 18–35). Dalam pada itu, 16 judul (termasuk 1 judul terbitan ulangan) ialah terjemahan puisi Mahua, manakala 14 judul yang selebihnya merupakan terjemahan cerpen Mahua. Di samping itu, dua buah terjemahan yang lain diterbitkan oleh Utusan Melayu (M) Berhad dalam majalah terbitannya, iaitu *Mastika* (Lampiran A, bil. 16–17).

Semasa fasa perkembangan, terjemahan karya sastera Mahua juga mula disajikan dalam akhbar. Terdapat sebanyak 24 judul terjemahan karya sastera Mahua moden diterbitkan melalui tiga akhbar, iaitu *Mingguan Malaysia*, *Mingguan Watan* dan *Sin Chew Jit Poh* (Lampiran B, bil. 1–24). Melalui kerjasama rapat antara *Mingguan Watan*, Jawatankuasa Penulis Berbilang Kaum, DBP dengan PERSPEKTIF, sebanyak 15 buah terjemahan cerpen Mahua diterbitkan sebulan sekali secara konsisten dalam akhbar *Mingguan Watan*, dari Oktober 1980 sehingga Disember 1990. Begitu juga, terjemahan karya sastera Mahua moden tidak hanya tertumpu dalam majalah. Sebaliknya, usaha ini dijalankan dengan lebih terancang melalui penerbitan dalam bentuk buku. Dalam tempoh ini, sebanyak 13 judul antologi terjemahan karya sastera Mahua diterbitkan (Lampiran C, bil. 1–13) oleh pelbagai pihak.

Memasuki abad ke-21, aktiviti penterjemahan karya sastera Mahua moden ke dalam bahasa Melayu masih diteruskan sekalipun tidak serancak fasa perkembangan. Dalam fasa kelestarian, terjemahan karya sastera Mahua moden lebih banyak diterbitkan dalam bentuk antologi dan jarang-jarang sekali diterbitkan dalam majalah. Begitu juga, terjemahan karya sastera Mahua moden tidak lagi diterbitkan dalam akhbar. Dalam pada itu, hanya tiga buah terjemahan diterbitkan dalam majalah, dan lapan buah antologi yang menghimpunkan sebanyak 263 buah terjemahan karya tunggal berjaya diterbitkan. Penerbitan terjemahan sastera Mahua moden terhenti selama 17 tahun sejak *Angin Kemarau* yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh Moo Kiow Chai diterbitkan dalam majalah *Dewan Sastera* pada April 1995 dalam tempoh fasa perkembangan. Sehinggalah tahun 2010-an, DBP menerbitkan semula tiga judul terjemahan cerpen Mahua-dalam majalah *Dewan Sastera* pada Ogos 2012, April, Mei dan Jun 2014, serta Mac 2016.

Kebanyakan terjemahan sastera Mahua moden yang diterbitkan pada fasa kelestarian diusahakan oleh DBP melalui kerjasama dengan PERSPEKTIF. Hasilnya, empat buah antologi terjemahan cerpen dan sebuah antologi terjemahan puisi berjaya diterbitkan secara berperingkat sejak tahun 2000 sehingga 2023. Di samping itu, terdapat juga penerbit lain yang menyumbang tenaga dalam usaha ini, iaitu Mentor Publishing Sdn. Bhd.; Jabatan Pengajian Tionghoa, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya; dan Nusa Centre. Maklumat terperinci tentang setiap penerbitan berkenaan diturunkan dalam Lampiran A (bil. 36–38), dan Lampiran C (bil. 14–21).

Analisis Objek Kajian 4: Di Mana (*Ubi*)?

Persoalan tentang "di mana" bersangkut paut dengan tempat terjemahan dihasilkan, dicetak, diterbitkan dan diedarkan (D'hulst 2010, 400). Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terjemahan karya sastera Mahua moden ke dalam

bahasa Melayu disajikan melalui tiga jenis media cetak yang utama, iaitu majalah, akhbar dan antologi, sepertimana yang dijelaskan dalam Jadual 2. Daripada karya-karya terjemahan yang dikesan dalam kajian ini, terdapat sejumlah 654 judul karya tunggal sastera Mahua moden (termasuk 97 buah terjemahan ulangan) yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dan mula diterbitkan sejak tahun 1960-an. Dalam pada itu, terdapat sebanyak 38 (5.81%) buah terjemahan diterbitkan dalam majalah, 24 (3.67%) buah terjemahan diterbitkan dalam akhbar dan 592 (90.52%) buah terjemahan karya tunggal diterbitkan melalui 21 judul antologi terjemahan, sepertimana yang diturunkan dalam Lampiran A, B dan C.

Dari segi tempat penerbitan, hampir semua terjemahan karya sastera Mahua moden diterbitkan di Malaysia (Persekutuan Tanah Melayu sebelum kemerdekaan dicapai) dan hanya terdapat dua judul terjemahan diterbitkan di Singapura pada peringkat awal aktiviti ini diusahakan, iaitu sebelum Singapura keluar daripada Malaysia pada tahun 1965. Kedua-dua karya tersebut ialah *Kalau Nasib Malang Menimpa* dan *Perjalanan Sa-belum Suboh* yang masing-masing diterbitkan dalam majalah *Budaya* pada tahun 1960 dan 1962.

Analisis Objek Kajian 5: Apa Jenis Sokongan (*Quibus auxiliis*)?

Bagi persoalan tentang "apa jenis sokongan", aspek yang boleh dikaji adalah seperti jenis sokongan yang diberikan kepada penterjemah dan ejen lain, seperti penerbit dan kesannya (D'hulst 2010, 401). Dapatan kajian ini mendapati bahawa penterjemah menerima tiga jenis sokongan, iaitu pemerolehan dana penerbitan, penganugerahan dan pengiktirafan. Berdasarkan maklumat periteks yang diperoleh, tiga buah antologi terjemahan karya sastera Mahua moden dikenal pasti menerima bantuan kewangan untuk penerbitan. Antologi pertama, *Drama Mahua: Perempuan Yang Memecahkan Cermin* (1977) yang diterjemahkan oleh Ding Choo Ming menerima bantuan kewangan daripada Dewan Perhimpunan China Selangor untuk penerbitan. Maklumat ini tertera pada bahagian depan antologi tersebut dengan ayat yang berbunyi "Diterbitkan dengan bantuan kewangan yang diberi oleh Dewan Perhimpunan China Selangor".

Antologi kedua yang memperoleh dana penerbitan ialah *Cerpen Pilihan Mahua* (1982) yang diterjemahkan oleh Moo Kiow Chai. Maklumat yang berkaitan diperoleh daripada pernyataan "Siri Sastera & Akademik Bantuan Persekutuan Persatuan-Persatuan Hokkien Malaysia dan Persatuan Hokkien Selangor", dan "Antologi Cerpen Pilihan Mahua ini telah dianugerahkan Sijil Sastera (Bahagian Terjemahan) bagi tahun 1980 oleh Jawatankuasa Tabung Sastera anjuran Persekutuan Persatuan-Persatuan Hokkien Malaysia dan Persatuan Hokkien Selangor, dan diterbitkan dengan bantuan tabung tersebut", yang tertera pada bahagian depan antologi berkenaan.

Antologi ketiga, *Cerpen Pilihan Mahua: Mala Adan* (1988) yang diterjemahkan oleh Lim Chuan Boon turut menerima dana yang sama. Maklumat periteks yang diperoleh daripada antologi tersebut ialah "Siri Sastera & Akademik Bantuan Persekutuan Persatuan-Persatuan Hokkien Malaysia dan Persatuan Hokkien Selangor" dan "Antologi Cerpen Pilihan Mahua ini telah dianugerahkan Sijil Sastera (Bahagian Terjemahan) bagi tahun 1987 oleh Jawatankuasa Tabung Penerbitan Sastera anjuran Persekutuan Persatuan-Persatuan Hokkien Malaysia dan Persatuan Hokkien Selangor, dan diterbitkan dengan bantuan tabung tersebut". Maklumat ini bukan sahaja mendedahkan bahawa penerbitan kedua-dua antologi tersebut menerima bantuan dana penerbitan, malah terjemahan yang dihasilkan oleh kedua-dua orang penterjemah tersebut turut dianugerahkan sijil sastera (Bahagian Terjemahan).

Satu lagi bentuk sokongan ialah pengiktirafan dan penghargaan yang biasanya disampaikan oleh sasterawan negara dan tokoh-tokoh Melayu dalam bidang sastera yang secara tidak langsung mengiktiraf dan menggalakkan usaha murni ini. Contohnya, sasterawan negara, Muhammad Haji Salleh (1971, 39) memberikan ulasan terhadap terjemahan sastera Mahua moden yang dihasilkan oleh Goh Thean Chye dalam *Dewan Sastera*, jilid 1, isu 8, terbitan tahun 1971 melalui pernyataan berikut:

> Terjemahan adalah suatu usaha yang sulit dan sering2 mengalami berbagai-bagai masalah. Dalam terjemahannya kita lihat Sdr. Goh dapat mengatasi banyak dari masalah2 ini. Rentak, bunyi dan idiom bahasa Melayunya lichin dan pada keseluruhannya tidak berbau bahasa terjemahan lagi. Ini menunjukkan kesatuannya dengan sajak2 aslinya dan juga bahasa Melayu.

Usaha Goh Thean Chye dalam menterjemahkan puisi Mahua moden ke dalam bahasa Melayu turut mendapat pujian daripada Umar Junus (1971, 45) kerana membolehkan pembaca berbahasa Melayu lebih memahami pemikiran, semangat, luahan hati dan kehidupan penduduk Cina tempatan dalam pernyataan berikut yang disajikan dalam *Dewan Sastera*, jilid 1, isu 2, terbitan tahun 1971:

> Dilihat dari segi ini, usaha yang dilakukan oleh Sdr. Goh Thean Chye dapat dikatakan sebagai suatu usaha yang berani, kerana Sdr. ini telah betul2 berusaha untuk memindahkan fikiran dan keindahan yang mungkin terdapat pada puisi2 Tionghua yang diterjemahkannya ke dalam bentuk yang ada dalam bahasa Melayu.

Berdasarkan maklumat periteks tersebut, didapati bahawa pemberian dana penerbitan dan penganugerahan sijil oleh badan-badan pertubuhan Cina, serta pengiktirafan daripada tokoh-tokoh Melayu merupakan sokongan yang diterima oleh penterjemah dan penerbit dalam usaha menggiatkan aktiviti penterjemahan dan penerbitan terjemahan sastera Mahua moden.

Analisis Objek Kajian 6: Mengapa (*Cur*)?

Persoalan tentang "mengapa" adalah berkaitan dengan sebab sesuatu terjemahan dihasilkan dalam cara dan bentuk tertentu dengan fungsinya yang khusus (D'hulst 2010, 401). Berdasarkan maklumat periteks yang dikutip daripada bahagian kata pengantar dan prakata dalam antologi terjemahan sastera Mahua moden yang diterbitkan, sebab penterjemah menterjemah karya sastera Mahua moden ke dalam bahasa Melayu dapat diketahui. Dalam antologi *Drama Mahua: Perempuan Yang Memecahkan Cermin* (1977), penterjemah Ding Choo Ming menyatakan tujuan beliau untuk memperkenalkan sastera Mahua moden melalui terjemahan dalam pernyataan berikut:

> Memang ada setengah peminat sastra kaum bukan China di Malaysia tahu adanya kesusasteraan itu – menerusi hasil terjemahan. Tetapi bilangan terjemahan seumpama itu kecil sekali. Hakikat mereka tidak dapat menikmati karya sastra Mahua dengan baik tidak dapat nafikan, kerana benteng perbezaan bahasa. Dengan tujuan lebih memperkenalkan sastra Mahua kepada saudara kita dari keturunan lain, saya telah mencuba menterjemahkan lima buah drama Mahua yang memang belum pernah diterjemahkan ke dalam bahasa Malaysia.
>
> (Ding Choo Ming 1977)

Di samping itu, Lim Chuan Boon (1988) dalam *Mala Adan* menjelaskan bahawa tujuan beliau melakukan penterjemahan karya sastera Mahua moden ke dalam bahasa Melayu adalah untuk membolehkan kaum-kaum lain menghayati karya sastera Cina tempatan, sepertimana yang dikemukakan oleh beliau dalam pernyataan berikut:

> Semoga antologi cerpen terjemahan ini dapat menyajikan serba sedikit gambaran tentang karya Mahua kepada pembaca, terutamanya kepada mereka yang bukan keturunan Cina. Mudah-mudahan terbitnya buku ini juga akan menarik perhatian dari peminat-peminat sastera yang lain untuk turut menyumbangkan usaha mereka dalam bidang penterjemahan dengan tujuan sama-sama mempertingkatkan lagi persefahaman antara kaum di negara ini.
>
> (Lim Chuan Boon 1988, viii)

Berdasarkan maklumat periteks yang dikumpulkan, jelas sekali bahawa sebab atau tujuan utama yang mendorong penterjemah untuk menterjemahkan karya sastera Mahua moden ke dalam bahasa Melayu adalah bagi membolehkan kaum-kaum lain menghayati terjemahan karya sastera Cina tempatan. Dalam pada itu, ternyata bahawa penterjemahan karya sastera Mahua moden ke dalam bahasa Melayu, dan bukannya bahasa-bahasa lain ada sebabnya. Menurut Perkara 152 (1) Perlembagaan Persekutuan 1957, bahasa Melayu ialah bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan bagi Persekutuan. Penetapan dan pengiktirafan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan adalah bertujuan untuk menyatukan berbilang

kaum. Dalam hal ini, penterjemahan karya sastera Mahua moden ke dalam bahasa Melayu bukan sahaja membolehkan kaum-kaum lain untuk mengenali budaya orang Cina tempatan, malah dapat berfungsi sebagai alat perpaduan untuk meningkatkan integrasi nasional.

Analisis Objek Kajian 7: Bagaimana (*Quomodo*)?

Cara terjemahan dihasilkan, norma hasil terjemahan, perubahan norma mengikut masa dan tempat, pelatihan penterjemah, pembentukan dan perkembangan institusi untuk latihan penterjemah dan institusi untuk penterjemah merupakan antara perkara yang boleh dikaji bawah persoalan "bagaimana" (D'hlust 2010, 402). Melalui kajian yang dijalankan ini, maklumat yang berkaitan dengan aspek ini agak terhad. Walau bagaimanapun, cara penterjemah melakukan penterjemahan karya sastera Mahua moden dapat diketahui melalui ulasan dan komen yang diberikan oleh penulis undangan dalam bahagian pengantar atau pengenalan. Misalnya, Lutfi Abas (1980) menyatakan bahawa penterjemah cenderung memanfaatkan kaedah terjemahan literal dan mengekalkan kandungan teks sumber dengan sepenuhnya, sepertimana yang berikut:

> Sebagai seorang Sarjana Muda dalam bidang Linguistik, Saudara Teng telah menterjemahkan antologi cerpen ini dengan menggunakan teknik "Frasa untuk Frasa". Dengan itu, jalan bahasa karya asli serta World View yang ingin disampaikan oleh pengarang itu telah dipertahankan dengan sempurna.
>
> (Lutfi Abas 1980, 5)

Seterusnya, sasterawan negara Anwar Ridhwan (2015) memperjelas bahawa para penterjemah lebih cenderung untuk setia kepada teks sumber semasa mengalihbahasakan karya sastera Mahua moden ke dalam bahasa Melayu, seperti yang diturunkan dalam pernyataan berikut: "Oleh sebab cerpen-cerpen dalam antologi ini diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh beberapa orang penterjemah, maka terdapat kesan perbezaan pemindahan bahasa, idiom dan nuansanya, tetapi penterjemah sedapat mungkin ingin setia dengan teks asalnya" (Anwar Ridhwan 2015, xvi)

Ternyata bahawa penterjemah dapat menterjemah karya sastera Cina tempatan ke dalam bahasa Melayu kerana mereka mempunyai penguasaan bahasa Cina (bahasa sumber) dan bahasa Melayu (bahasa sasaran). Daripada ulasan Lutfi Abas (1980) dan Anwar Ridhwan (2015) terhadap terjemahan yang dihasilkan, para penterjemah didapati menterjemah dengan kaedah terjemahan literal dalam usaha memindahkan mesej teks sumber kepada pembaca sasaran.

Berkenaan dengan perubahan norma mengikut masa dan tempat, pemerhatian dapat dirumuskan dari aspek lokasi penerbitan, penglibatan penterjemah dan medium terjemahan. Pertama, terjemahan karya sastera Mahua moden

diterbitkan di Singapura pada peringkat awal, iaitu pada tahun 1960-an. Kemudian, kegiatan penterjemahan dan penerbitan terjemahan sastera Mahua moden lebih tertumpu di Malaysia (tidak termasuk Singapura selepas 9 Ogos 1969), seperti yang ditunjukkan dalam lajur maklumat tempat penerbitan dalam Lampiran A, B dan C. Kedua, penerbitan terjemahan sastera Mahua moden diusahakan oleh penterjemah solo pada peringkat awal, iaitu sebelum tahun 1970-an, dan dirancakkan melalui kerjasama kerajaan dengan badan bukan kerajaan sehingga kini (rujuk maklumat lajur penerbit dalam Lampiran A, B dan C). Ketiga, penerbitan terjemahan sastera Mahua moden disajikan melalui medium majalah dan surat khabar pada peringkat awal sebelum aktiviti ini diteruskan melalui sinergi antara kerajaan dengan badan bukan kerajaan (rujuk maklumat penerbitan dalam Lampiran A, B dan C).

Analisis Objek Kajian 8: Apa Kesannya (*Cui bono*)?

Persoalan tentang "apa kesannya" melibatkan penerokaan terhadap kesan terjemahan, fungsi dan kegunaan terjemahan dalam masyarakat (D'hulst 2010, 403). Dalam kajian ini, fungsi dan kegunaan terjemahan sastera Mahua moden dapat dikenal pasti melalui maklumat periteks yang diperoleh. Misalnya, sasterawan negara Anwar Ridhwan (2006, ix–x) melontarkan pendapat beliau tentang kepentingan terjemahan sastera Mahua moden dalam bahagian pengantar *Antologi Terjemahan Puisi Mahua: Salam Malaysia*:

> Puisi-puisi yang terhimpun dalam buku ini, dalam bahasa asalnya, telah lama diketahui oleh para peminat sastera Mahua khususnya dan pembaca masyarakat Cina Malaysia umumnya. Sebelum puisi-puisi tersebut diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu, diterbitkan dan disebarkan, masyarakat Melayu tidak mengetahui akan kemunculan serta perkembangan sastera Mahua, terutamanya puisi. Situasi sedemikian menyebabkan, bukan sahaja puisinya, malahan penyair Mahua sendiri, tidak dikenali oleh penulis dan masyarakat Melayu. Hal ini memberikan gambaran serta natijah komunikasi dan hubungan kaum yang agak negatif, bahawa sesama penulis Malaysia daripada pelbagai bangsa dan kaum, tidak mengenali antara satu dengan yang lain. Justeru itu, terjemahan seperti ini amat penting, bagi masyarakat terutamanya untuk mengetahui sastera Mahua.

Selain itu, Othman Puteh (2000) meluahkan pendapat bahawa terjemahan karya sastera Mahua moden dapat membolehkan kaum-kaum lain memahami pemikiran dan kebudayaan kaum Cina, sepertimana yang dikemukakan oleh beliau dalam pernyataan berikut:

> Daripada keprihatinan dan usaha mereka itu memungkinkan kita menghayati dan menelusuri muatan pemikiran, tanggapan dan tafsiran pengarang-pengarang cerpen Mahua terhadap realiti objektif kehidupan daripada perspektif mereka. Dengan itu, dapatlah

> kita berkongsi pengalaman dan pengetahuan, tambahan pula ia merupakan aset kesusasteraan tentang insan dan keinsanan yang bernilai tinggi, tentunya.
>
> (Othman Puteh 2000, viii)

Secara keseluruhan, terjemahan karya sastera Mahua moden ke dalam bahasa Melayu dapat merobohkan benteng perbezaan bahasa yang menghalang kaum-kaum lain untuk menghayati karya sastera Cina yang ditulis oleh penulis Cina tempatan, sekali gus berfungsi sebagai alat untuk memupuk nilai-nilai keharmonian dan perpaduan antara kaum serta meningkatkan integrasi nasional.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, kajian arkeologi terjemahan yang dijalankan menyumbang kepada sejarah terjemahan di Malaysia, khususnya penerbitan terjemahan karya sastera Mahua moden dalam bahasa Melayu. Kajian ini berjaya mendokumentasikan terjemahan karya sastera Mahua moden yang diterbitkan dalam tiga jenis media, iaitu majalah, surat khabar dan antologi dari tahun 1960-an sehingga tahun 2023, berserta maklumat judul asal, nama penulis asal, judul terjemahan, nama penterjemah, tahun penerbitan, penerbit, tempat penerbitan dan genre mengikut susunan kronologi. Maklumat ini boleh digunakan sebagai rujukan untuk sebarang kajian yang berkaitan pada masa depan. Tambahan pula, kajian ini bukan sekadar merekodkan terbitan tersebut, malah juga membincangkan kemunculan penterjemahan dan penerbitan terjemahan karya sastera Mahua moden dari perspektif arkeologi dan sejarah terjemahan melalui lapan objek kajian yang diutarakan oleh D'hulst (2010).

Usaha penterjemahan dan penerbitan terjemahan karya sastera Mahua moden bermula sejak penghujung tahun 1960. Sehingga kini, ratusan judul terjemahan sudah berjaya diterbitkan hasil daripada usaha antara pelbagai pihak, termasuklah penterjemah, penerbit agensi kerajaan/IPTA, penerbit swasta, badan bukan kerajaan (NGO) dan penerbit individu. Penterjemahan dan penerbitan terjemahan karya sastera Mahua moden ke dalam bahasa Melayu yang diangkat sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi sebagaimana yang termaktub dalam Perkara 152 (1) Perlembagaan Persekutuan 1957 adalah bertujuan untuk merobohkan benteng perbezaan bahasa yang menghalang kaum-kaum lain bagi menghayati karya sastera Cina tempatan yang dikarang dalam bahasa Cina. Melalui terjemahan karya sastera Mahua moden, pemikiran dan sosiobudaya kaum Cina tempatan dapat dihayati oleh kaum-kaum lain. Langkah ini penting bagi merapatkan jurang perbezaan bahasa dan budaya antara kaum, sekali gus memupuk integrasi nasional dan memacu pembinaan negara bangsa Malaysia. Dengan erti kata lain, terjemahan karya sastera Mahua

moden berfungsi sebagai alat perpaduan yang dapat menyatupadukan rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum. Natijahnya, usaha penterjemahan dan penerbitan terjemahan karya sastera Mahua moden wajar diteruskan dan dilestarikan bagi meningkatkan interaksi budaya antara rakyat Malaysia yang terdiri daripada berbilang kaum. Dalam hal ini, semua pihak yang terlibat wajar membuat perancangan yang sistematik dan terancang bagi melestarikan matlamat ini.

RUJUKAN

Anwar Ridhwan. 2006. Prakata. In *Antologi terjemahan puisi Mahua: Salam Malaysia*, eds. Chong Fah Hing and Chan Yong Sin, ix–xv. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

_____. 2015. Kata pengantar. In *Antologi cerpen: Misteri pahatan*, ed. Yuen Boon Chan, vii–xvi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ayob Yamin and Yang Quee Yee, ed. 1988. *Antologi puisi Mahua: Titik nuansa.* Selangor: Dewan Perhimpunan China Selangor.

D'hulst, L. 2010. Translation history. In *Handbook of translation studies*, eds. Y. Gambier and L.V. Doorslaer, 397–405. Amstermdam/Philadelphia: John Benjamins Publishing Company.

Ding Choo Ming. 1977. Prakata. In *Drama Mahua: Perempuan yang memecahkan cermin*, trans. Ding Choo Ming. Selangor: Bulanan Penuntut.

Fang Xiu. 1972. *Mahua xinwenxue daxi - lilun yiji (Koleksi sastera mahua moden - siri teori 1*). Singapore: World Book Company.

Genette, G. 1997. *Paratexts: Thresholds of interpretation.* Cambridge: Cambridge University Press.

Gerber, L. 2008. Building bridges, building a bibliography of Australian children's fiction in German translation 1854–2007. *New Review of Children's Literature and Librarianship* 14(2): 141–157. https://doi.org/10.1080/13614540902835186

Goh Thean Chye. 1975. *Modern Chinese literature in Malaysia and Singapore: A classified bibliography of books in Chinese*. Kuala Lumpur: Syarikat Penerbitan Hon Hong.

Holmes, J.S. 2004. The name and nature of translation studies. In *The translation studies reader*, ed. L. Venuti, 180–192 (2nd ed.) New York & London: Routledge: Taylor & Francis Group.

Lim Chuan Boon. 1988. Prakata. In *Cerpen pilihan Mahua: Mala Adan*, trans. Lim Chuan Boon, vii–viii. Kuala Lumpur: PERSPEKTIF.

Lutfi Abas. 1980. Pengenalan penterjemah. In *Cerpen Mahua: Anakku, harapanku oleh Yuen Li Fung*, trans. Teng Shin Min, 3–5. Petaling Jaya: Syarikat Penerbitan Universal.

Muhammad Haji Salleh. 1971. Puisi Tionghoa. *Dewan Sastra* 1(8): 38. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Munday, J. 2016. *Introducing translation studies: Theories and applications.* 4th ed. London & New York: Taylor & Francis Group.

Othman Puteh. 2000. Kata pengantar. In *Cerpen pilihan sastera Mahua III: Dalam hujan renyai*, ed. Lim Chuan Boon, vii–xxiii. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Pegenaute, L. 2018. Translation and cultural development: Historical approaches. In *The Routledge handbook of translation and culture*, eds. S.A. Harding and O.C. Cortés, 177–195. Oxon & New York: Routledge. https://doi.org/10.4324/9781315670898-10

Pym, A. 1998. *Method in translation history*. Manchester: St. Jerome.

Santoyo, J-C. 2006. Blank spaces in the history of translation. In *Charting the future of translation history*, eds. G.L. Bastin and P.F. Bandia, 11–44. Ottawa: University of Ottawa Press. https://doi.org/10.2307/j.ctt1ckpfkh.5

Tahir-Gürçağlar, Ş. 2002. What texts don't tell: The uses of paratexts in translation research. In *Crosscultural transgressions. Research models in translation studies II: Historical and ideological issues*, ed. T. Hermans, 44–60. Manchester & Northampton: St. Jerome.

Umar Junus. 1971. Puisi Tionghua. *Dewan Sastra* 1(2): 45–47. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Woodsworth, J. 1998. History of translation. In *Routledge encyclopedia of translation studies*, ed. M. Baker, 100–105. London & New York: Routledge.

Yang Quee Yee. 2000. *Perkembangan kesusasteraan Mahua moden 1919–1965*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

_____. 2014. *Himpunan makalah kebudayaan Cina-Melayu*. Kuala Lumpur: Centre for Malaysian Chinese Studies.

Zhuang Hua Xing. 2006. Mayi huawen wenxue: Wenhua zhuti renzhi de jiedu (Terjemahan sastera Cina ke dalam bahasa Melayu: Tafsiran tentang kognisi budaya). In *Mianyan: Dama Yichuanghui Huiyuan Wenji* (zhongwen er). (Terentang Panjang: Antologi Karya Ahli Persatuan Penterjemahan dan Penulisan Kreatif Malaysia), ed. Zhuang Hua Xing. Selangor: Persatuan Penterjemahan dan Penulisan Kreatif.

Lampiran A

Senarai penerbitan terjemahan karya sastera Mahua moden dalam majalah, 1919–2023

Bil.	Judul asal [Terjemahan]	Penulis asal [Penterjemah]	Tarikh penerbitan	Majalah	Tempat penerbitan	Genre
1.	白区来的消息 [Kalau Nasib Malang Menimpa]	Wei Yun [Li Chih-ch'u]	Disember 1960	*Budaya* 1: 35–44	Singapura: Tan Ta Sen	Cerpen
2.	黎明前的行脚 [Perjalanan Sa-belum Suboh]	Lu Poh Yeh [T.S.T]	Ogos 1962	*Budaya* 3: 33–37	Singapura: Seah Beng Kim	Prosa berirama
3.	还乡 [Pulang]	Miao Hsiou [Kelana C.M.]	Mei 1968	*Dewan Bahasa* 12(5): 229–237	Kuala Lumpur: DBP	Cerpen
4.	我爱马来西亚 [Aku Chintakan Malaya]	Yao To [Goh Thean Chye]	Februari 1971	Dewan Sastra 1(2): 45	Kuala Lumpur: DBP	Puisi
5.	一个估俚的死 [Matinya Seorang Kuli]	Hsu Yang [Goh Thean Chye]	Februari 1971	*Dewan Sastra* 1(2): 45	Kuala Lumpur: DBP	Puisi
6.	彭亨河畔 [Ditepi Sungai Pahang]	Lu Ping [Goh Thean Chye]	Februari 1971	Dewan Sastra 1(2): 46	Kuala Lumpur: DBP	Puisi
7.	驮 [Memikul]	Miao Mang [Goh Thean Chye]	Februari 1971	*Dewan Sastra* 1(2): 46	Kuala Lumpur: DBP	Puisi
8.	跳"珑玲" [Menari Ronggeng]	Mi Chun [Goh Thean Chye]	Februari 1971	*Dewan Sastra* 1(2): 47	Kuala Lumpur: DBP	Puisi
9.	别离 [Berpisah]	Lai Choy [Lai Choy]	Mac 1971	*Dewan Sastra* 1(3): 12–13	Kuala Lumpur: DBP	Cerpen
10.	白区新闻 [Kabar dari Kawasan Putih] (*Terbitan ulangan. Terbitan pertama dalam *Budaya* 1)	Wei Yun [Li Chuan Siu]	April 1971	*Dewan Sastra* 1(4): 14–19 & 23	Kuala Lumpur: DBP	Cerpen
11.	一朵花 [Sekuntum Bunga]	Cheng Yee [Li Kim Chong]	Julai 1971	*Dewan Sastra* 1(7): 12–15	Kuala Lumpur: DBP	Cerpen

(*bersambung*)

(*sambungan*)

Bil.	Judul asal [Terjemahan]	Penulis asal [Penterjemah]	Tarikh penerbitan	Majalah	Tempat penerbitan	Genre
12.	乡村之歌 [Lagu Kampung Halaman]	Tu Hung [Goh Thein Chye]	Ogos 1971	*Dewan Sastra* 1(8): 38	Kuala Lumpur: DBP	Puisi
13.	我们的乡村 [Kampung Kita]	Tu Hung [Goh Thein Chye]	Ogos 1971	*Dewan Sastra* 1(8): 38	Kuala Lumpur: DBP	Puisi
14.	我爱我的祖国 [Aku Chintakan Ibu Pertiwiku]	Lang Chin [Goh Thein Chye]	Ogos 1971	*Dewan Sastra* 1(8): 39	Kuala Lumpur: DBP	Puisi
15.	叱叻河呵，母亲的河！ [Oh Sungai Perak, Sungai Ibu!]	Tai Ching Siew [Goh Then Chye]	September 1971	*Dewan Sastra* 1(9): 36–37	KUALA LUMPUR: DBP	Puisi
16.	三脚猫 [Kucing Berkaki Tiga]	Nian Hong [Moo Kiow Chai]	Julai 1981	*Mastika* 41(7): 130–144	Kuala Lumpur: Utusan Melayu (M) BERHAD	Cerpen
17.	手指 [Jari]	Pan You Lai [Ang Chor Chew]	April 1982	*Mastika* 42(4): 134–142	Kuala Lumpur: Utusan Melayu (M) Berhad	Cerpen
18.	围墙 [Terbelenggu di Kampung Halaman]	Ding Yun [Moo Kiow Chai]	Mac 1984	*Dewan Sastera*, 14(3): 17–28	Kuala Lumpur: DBP	Cerpen
19.	拉子妇 [Perempuan LAKIA]	Li Yong Ping [Chan Meow Wah & Yang Kui Yee]	Februari 1985	*Dewan Sastera*, 15(2): 80–85	Kuala Lumpur: DBP	Cerpen
20.	石狮子 [Singa Batu]	Wei Bei Hua [Goh Then Chye]	Mei 1985	*Dewan Sastera* 15(5): 89	Kuala Lumpur: DBP	Puisi
21.	风沙的日子 [Hari Bertaufan]	Loo Mun [Goh Then Chye]	Mei 1985	*Dewan Sastera* 15(5): 89	Kuala Lumpur: DBP	Puisi
22.	T.D.D. [Gadis Kecil Menjual Sayur]	Zhong Qi [Goh Then Chye]	Mei 1985	*Dewan Sastera*, 15(5): 89	*Kuala Lumpur*: DBP	*Puisi*
23.	旗 [Bendera]	Jian Shi [Goh Then Chye]	Mei 1985	*Dewan Sastera* 15(5): 89	Kuala Lumpur: DBP	Puisi
24.	T.D.D. [Kepercayaan Hati]	Dai Qing Shou [Goh Then Chye]	Mei 1985	*Dewan Sastera* 15(5): 90	Kuala Lumpur: DBP	Puisi

(*bersambung*)

(*sambungan*)

Bil.	Judul asal [Terjemahan]	Penulis asal [Penterjemah]	Tarikh penerbitan	Majalah	Tempat penerbitan	Genre
25.	我不愿做一个诗人 [Aku Tak Ingin Jadi Seorang Penyajak]	Tu Hung [Goh Then Chye]	Mei 1985	*Dewan Sastera* 15(5): 90	Kuala Lumpur: DBP	Puisi
26.	驮 [Memikul] (*Terbitan ulangan. Terbitan pertama dalam *Dewan Sastra*, Februari 1971)	Miao Mang [Goh Then Chye]	Mei 1985	*Dewan Sastera* 15(5): 90	Kuala Lumpur: DBP	Puisi
27.	惊涛骇浪 [Malam Ribut di Laut]	Huang Ya [Lim Chuan Boon]	Jun 1985	*Dewan Sastera* 15(6): 84–87	Kuala Lumpur: DBP	Cerpen
28.	走死运的人 [Mati Lebih Menguntungkan]	Yao Tuo [Lim Chuan Boon]	September 1985	*Dewan Sastera* 15(9): 92–96	Kuala Lumpur: DBP	Cerpen
29.	回家 [Pulang]	Liangtong [Chong Ton Sin]	Februari 1986	*Dewan Sastera* 16(2): 93–96	Kuala Lumpur: DBP	Cerpen
30.	看山岁月 [Masa Menjaga Hutan]	Ding Yun [Chan Maw Woh]	Ogos 1986	*Dewan Sastera* 16(8): 88–93	Kuala Lumpur: DBP	Cerpen
31.	陷阱 [Jerat]	Hsiu Hsiu [Amir Tan]	Jun 1989	*Dewan Sastera* 19(6): 91–94	Kuala Lumpur: DBP	Cerpen
32.	丽丽 [Lili]	Hwang Hwei [Amir Tan]	Jan 1990	*Dewan Sastera* 20(1): 95–96	Kuala Lumpur: DBP	Cerpen
33.	围墙的母亲 [Bonda dalam Kepungan]	Li Yong Ping [Chong Fah Hing]	Oktober 1992	*Dewan Sastera* 22(10): 91–98	Kuala Lumpur: DBP	Cerpen
34.	送你一棵杨桃树 [Hadiahkanmu Sepohon Anak Belimbing]	Ding Yun [Chong Fah Hing]	Julai 1993	*Dewan Sastera* 23(7): 95–96	Kuala Lumpur: DBP	Cerpen

(*bersambung*)

(*sambungan*)

Bil.	Judul asal [Terjemahan]	Penulis asal [Penterjemah]	Tarikh penerbitan	Majalah	Tempat penerbitan	Genre
35.	旱风 [Angin Kemarau]	Meng Ping [Moo Kiow Chai]	April 1995	*Dewan Sastera* 25(4): 93–98	Kuala Lumpur: DBP	Cerpen
36.	亲爱的丹尼斯 [Sayang Dennis, Oh Sayang!]	Xuan Sulai [Chong Fah Hing]	Ogos 2012	*Dewan Sastera* 42(12): 86–93	Kuala Lumpur: DBP	Cerpen
37.	巴都 [Patu] (bahagian 1) (bahagian 2) (bahagian 3)	Zhang Guixing [Chong Fah Hing]	April 2014 Mei 2014 Jun 2014	*Dewan Sastera* 44(4): 67–73 *Dewan Sastera* 44(5): 73–75 *Dewan Sastera* 44(6): 74–77	Kuala Lumpur: DBP	Cerpen
38.	白鱼滩 Beting Ikan Putih	Fang Mei [Chong Fah Hing]	Mac 2016	*Dewan Sastera* 46(3): 75–77	Kuala Lumpur: DBP	Cerpen

Lampiran B

Senarai penerbitan terjemahan karya sastera Mahua moden dalam akhbar, 1919–2023

Bil.	Judul asal [Terjemahan]	Penulis asal [Penterjemah]	Tarikh penerbitan	Majalah	Tempat penerbitan	Genre
1.	罢工 [Mogok]	Ju Fan [Moo Kiow Chai]	28 Disember 1975	*Mingguan Malaysia*	Malaysia: Utusan Melayu (M) Berhad	Cerpen
2.	代沟 [Jurang Generasi]	Chen Die [Moo Kiow Chai]	12 Disember 1976	*Sin Chew Jit Poh*	Malaysia: Sin Chew Media Corporation Berhad	Cerpen
3.	(t.d.d.) [Lima Ratus Ringgit]	Lin Zhi Liu [Moo Kiow Chai]	5 Januari 1978	*Sin Chew Jit Poh*	Malaysia: Sin Chew Media Corporation Berhad	Cerpen
4.	(T.D.D.) [Musim Kemarau]	Sun Kuai Yu [Moo Kiow Chai]	25 Disember 1978	*Sin Chew Jit Poh*	Malaysia: Sin Chew Media Corporation Berhad	Cerpen
5.	得与失 [Yang Dapat dan Yang Cicir]	Ma Han [Moo Kiow Chai]	29 Oktober 1980	*Sin Chew Jit Poh*	Malaysia: Sin Chew Media Corporation Berhad	Cerpen
6.	(T.D.D.) [Perbicaraan]	Fang Fu [Moo Kiow Chai]	21 November 1980	*Sin Chew Jit Poh*	Malaysia: Sin Chew Media Corporation Berhad	Cerpen
7.	崩 [Runtuh]	Ya Bo [Moo Kiow Chai]	19 Disember 1980	*Sin Chew Jit Poh*	Malaysia: Sin Chew Media Corporation Berhad	Cerpen
8.	(T.D.D.) [Pertemuan]	Hiew Lee Ying [Moo Kiow Chai]	31 Disember 1980	*Sin Chew Jit Poh*	Malaysia: Sin Chew Media Corporation Berhad	Cerpen
9.	(T.D.D.) [Rahsia]	Zheng Yi [Moo Kiow Chai]	28 Januari 1981	*Sin Chew Jit Poh*	Malaysia: Sin Chew Media Corporation Berhad	Cerpen
10.	(T.D.D.) [Kami Tidak Mahu Balik Kampung]	Ai Wei [Goh Choo Keng]	Oktober 1989–Disember 1990	*Mingguan Watan*	Malaysia: Sin Chew Media Corporation Berhad	Cerpen

(*bersambung*)

(*sambungan*)

Bil.	Judul asal [Terjemahan]	Penulis asal [Penterjemah]	Tarikh penerbitan	Majalah	Tempat penerbitan	Genre
11.	迷茫 [Kekeliruan]	Bi Cheng [Lai Choy]	Oktober 1989–Disember 1990	Mingguan Watan	Malaysia: Kumpulan Karangkraf Sdn. Bhd.	Cerpen
12.	残局 [Kebuntuan]	Fang Bei-Fang [Goh Choo Keng]	Oktober 1989–Disember 1990	Mingguan Watan	Malaysia: Kumpulan Karangkraf Sdn. Bhd.	Cerpen
13.	神牌轶事 [Papan Mustajab]	Chen Zheng Xin [Hoo Ling]	Oktober 1989–Disember 1990	Mingguan Watan	Malaysia: Kumpulan Karangkraf Sdn. Bhd.	Cerpen
14.	铜栏里外 [Luar dan Dalam Kekisi Gangsa]	Duan Mu-Hong [Goh Choo Keng]	Oktober 1989–Disember 1990	Mingguan Watan	Malaysia: Kumpulan Karangkraf Sdn. Bhd.	Cerpen
15.	丽娜 [Lina]	Li Yin Jun [Goh Choo Keng]	Oktober 1989–Disember 1990	Mingguan Watan	Malaysia: Kumpulan Karangkraf Sdn. Bhd.	Cerpen
16.	现代人 [Perawan Moden]	Liang-Fang [Choo Puay Hin]	Oktober 1989–Disember 1990	Mingguan Watan	Malaysia: Kumpulan Karangkraf Sdn. Bhd.	Cerpen
17.	贼 [Pencuri]	Meng-sha [Goh Choo Keng]	Oktober 1989–Disember 1990	Mingguan Watan	Malaysia: Kumpulan Karangkraf Sdn. Bhd.	Cerpen
18.	雪嘉玛渡头 [Pangkalan Segama]	Pang Yu-Tong [Lim Chuan Boon]	Oktober 1989–Disember 1990	Mingguan Watan	Malaysia: Kumpulan Karangkraf Sdn. Bhd.	Cerpen
19.	(t.d.d.) [Kisah Polis]	Ya-Bo [Choo Puay Hin]	Oktober 1989–Disember 1990	Mingguan Watan	Malaysia: Kumpulan Karangkraf Sdn. Bhd.	Cerpen
20.	玻璃 [Kaca]	You Mu [Woo Tack Lok]	Oktober 1989–Disember 1990	Mingguan Watan	Malaysia: Kumpulan Karangkraf Sdn. Bhd.	Cerpen
21	芒果树与白蚁 [Pohon Mempelai dan Anai-anai]	Yun Lifeng [Teng Shin Min]	Oktober 1989–Disember 1990	Mingguan Watan	Malaysia: Kumpulan Karangkraf Sdn. Bhd.	Cerpen

(*bersambung*)

(*sambungan*)

Bil.	Judul asal [Terjemahan]	Penulis asal [Penterjemah]	Tarikh penerbitan	Majalah	Tempat penerbitan	Genre
22.	行车岁月 [Ranjau-ranjau di Jalan Raya]	Zeng-Pei [Chong Yock Sim]	Oktober 1989–Disember 1990	Mingguan Watan	Malaysia: Kumpulan Karangkraf Sdn. Bhd.	Cerpen
23.	相中人 [Gadis Dalam Gambar]	Zhang Gong [Goh Choo Keng]	Oktober 1989–Disember 1990	Mingguan Watan	Malaysia: Kumpulan Karangkraf Sdn. Bhd.	Cerpen
24.	明天没有希望了 [Tiada Esok Lagi]	Zheng Zu [Choo Puay Hin]	Oktober 1989–Disember 1990	Mingguan Watan	Malaysia: Kumpulan Karangkraf Sdn. Bhd.	Cerpen

Lampiran C

Senarai penerbitan terjemahan karya sastera Mahua moden dalam antologi, 1919–2023

Bil.	Judul asal [Terjemahan]	Penulis asal [Penterjemah]	Tarikh penerbitan	Tempat penerbitan	Genre	Bilangan karya tunggal
1.	Antologi Sajak Pilihan: Puisi Mahua Moden (Jilid 1)	Pelbagai [Goh Thean Chye]	1975	Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Tionghua, Universiti Malaya	Puisi	98
2.	Drama Mahua: Perempuan Yang Memecahkan Cermin	Pelbagai [Ding Choo Ming]	1977	Selangor: Bulanan Penuntut	Drama	5
3.	Koleksi Cerpen-cerpen Malaysia	Pelbagai [Ding Choo Ming]	1977	Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya	Cerpen	7
4.	Antologi Sajak Tai Ching Siew: Oh Sungai Perak, Sungai Ibu!	Tai Ching Siew [Goh Thean Chye]	1980	Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Tionghua, Universiti Malaya	Puisi	33
5.	Cerpen Mahua: Anakku, Harapanku oleh Yuen Li Fung	Yuen Li Fung [Teng Shin Min]	1980	Petaling Jaya: Syarikat Penerbitan Universal	Cerpen	6
6.	Cerpen Pilihan Mahua	Pelbagai [Moo Kiow Chai]	1982	Johor Bahru: Evergreen Trading Company	Cerpen	10
7.	Muse Yang Beraneka Rupa	Pelbagai [Chan Foo Heng & Chong Kim Leong]	1985	Perak: Penerbitan Sirius	Puisi	12
8.	Gelombang Rejang	Wu An [Chan Yong Sin]	1986	Kuala Lumpur: Pustaka Selatan	Puisi	45
9.	Pertemuan Yang Dikesalkan oleh Yun Lifeng	Yun Lifeng [Teng Shin Min]	1986	Petaling Jaya: Pelanduk Publications	Cerpen	6
10.	*Antologi Puisi Mahua: Titik Nuansa*	Pelbagai [Ayob Yamin & Yang Quee Yee (ed.)]	1988	Kuala Lumpur: Dewan Perhimpunan China Selangor	Puisi	68
11.	*Cerpen Pilihan Mahua: Mala Adan*	Pelbagai [Lim Chuan Boon]	1988	Kuala Lumpur: PERSPEKTIF	Cerpen	8

(*bersambung*)

(*sambungan*)

Bil.	Judul asal [Terjemahan]	Penulis asal [Penterjemah]	Tarikh penerbitan	Tempat penerbitan	Genre	Bilangan karya tunggal
12.	*Cerpen Pilihan Sastera Mahua: Angkatan Ini*	Pelbagai [Yang Quee Yee (ed.)]	1988	Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka	Cerpen	16
13.	*Cerpen Pilihan Sastera Mahua II: Gadis Dalam Gambar*	Pelbagai [Yang Quee Yee & Goh Hin San (Penyelenggara)]	1994	Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka	Cerpen	15
14.	*Kawasan Berbentuk Kipas*	Woo Swee Tin [Chan Foo Heng & Chong Kim Leong]	2000	Kuala Lumpur: Mentor Publishing Sdn. Bhd.	Puisi	40
15.	*Cerpen Pilihan Sastera Mahua III: Dalam Hujan Renyai*	Pelbagai [Lim Chuan Boon (Penyelenggara)]	2000	Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka	Cerpen	15
16.	*Antologi Cerpen Mahua IV: Impian di Pelabuhan*	Pelbagai [Yuen Boon Chan & Choo Puay Hin (Penyelenggara)]	2004	Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka	Cerpen	15
17.	*Antologi Terjemahan Puisi Mahua: Salam Malaysia*	Pelbagai [Chong Fah Hing & Chan Yong Sin (Penyelenggara)]	2006	Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka	Puisi	95
18.	*Antologi Cerpen: Misteri Pahatan*	Pelbagai [Yuen Boon Chan (Penyelenggara)]	2015	Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka	Cerpen	14
19.	*Antologi Puisi Penyair Mahua: Irama Patriotik Terhadap Malaysia*	Pelbagai [Goh Then Chye (Penyelenggara)]	2020	Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Tionghoa, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya	Puisi	62
20.	*Antologi Cerpen Sastera Mahua: Tasik Itu Bagai Cermin*	Pelbagai [Pelbagai]	2022	Nusa Centre	Cerpen	7
21.	*Antologi Cerpen Mahua VI: Dermawan*	Pelbagai [Pelbagai]	2023	Kuala Lumpur: DBP dengan PERSPEKTIF	Cerpen	15